

Headline	TNB tekad mahu kekal tangga tiga teratas MHL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	46,48
ArticleSize	236 cm ²	Journalist	KHAIRULIDHAM
PR Value	RM 28,950		



TNB tekad mahu kekal tangga tiga teratas MHL

Oleh **KHAIRUL IDHAM**
MOHAMED ZARAAI
 idham.zarai@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pengendali Tenaga Nasional Berhad, Nor Saiful Zaini yakin anak-anak buahnya mampu meranankan peluang Nurinsafi Sporting untuk kekal di tangga

**NOR SAIFUL
ZAINI**

tiga teratas Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) cemerlang mengekalkan rekod tanpa kalah setelah membelasah Liaoning Men's Hockey Teams 13-1 kelmarin.

Nor Saiful turut menarik nafas lega dengan kemenangan tersebut kerana mereka kembali mendapat rentak daripada pres-

tasi yang kurang memuaskan ketika menjulang Piala Sumbangsih MHL 2024 minggu lalu.

Meskipun Piala Sumbangsih milik mereka, TNB terpaksa berpuas hati meraih seri kedua selepas menentang Maybank awal bulan lalu, memandangkan keputusan perlawanan itu tetap dikira untuk liga.

Pengendali TNB itu akur pe-

nyandang juara liga tahun ini bukan lagi objektif mereka, namun tekad mahu mencari peluang untuk kekal tiga teratas.

"Kita rasa Nurinsafi bukan seperti pasukan seperti dulu. Kita memiliki pasukan yang bagus dan tahu cara permainan mereka.

"Objektif sebenar kami perluri mengutip tiga mata. Kita tak mau buat kesilapan," katanya.